

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI  
[ SETIAWANGSA ]**

**TARIKH : 19 MAC 2014**

**SOALAN :**

**DATO' AHMAD FAUZI (SETIAWANGSA) minta PERDANA  
MENTERI menyatakan:**

- (a) mengapakah pelajar yang mengambil pengajian sains dengan pendidikan dan kejururawatan di IPTA tidak layak menerima biasiswa JPA; dan
- (b) apakah status penggunaan Kad Diskaun Siswa dan skop penggunaannya pada masa ini. Adakah ia masih efektif untuk digunakan.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat , penajaan biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) adalah berasaskan kepada unjuran keperluan guna tenaga dalam pelbagai bidang yang diperlukan oleh perkhidmatan awam dan negara. Penajaan bagi bidang pengajian sains dengan pendidikan adalah di bawah tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) manakala penajaan bagi bidang kejururawatan adalah di bawah tajaan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Saya akan memberi jawapan bertulis setelah menerima maklumat dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Mengenai Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KADS1M), ia telah diwujudkan dengan objektif untuk membantu mengurangkan perbelanjaan para pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di seluruh Negara.

Sehingga kini, sebanyak 1,577,279 KADS1M telah dikeluarkan kepada pelajar yang berdaftar di 875 IPT awam dan swasta di seluruh negara. Selain itu, menerusi penambahbaikan inisiatif berkenaan pada tahun 2013, KADS1M juga diagihkan kepada para pelajar Malaysia yang menyambung pengajian di IPT luar negara.

Dapatan kajian oleh pihak Universiti Putra Malaysia (UPM) yang dijalankan pada tahun 2013 mendapati para pelajar IPT

memberikan tahap persepsi yang baik dan berpuas hati terhadap inisiatif KADS1M. Disamping itu, KPDNKK turut mendapat respon yang positif dari rakan dagang yang terlibat berdasarkan penggunaan KADS1M di premis-premis perniagaan dan peningkatan jualan di antara 2% hingga 10%.

Sehingga Februari 2014, 419 rakan dagang telah menyertai inisiatif ini secara '*Corporate Social Responsibility*' (CSR) dengan 13 segmen bidang perniagaan yang ditawarkan. Bilangan ini akan bertambah dari masa ke masa dengan kerjasama pihak swasta yang perihatin. Ini membuktikan inisiatif bahawa KADS1M masih efektif.

Yang Berhormat mungkin bertanya apakah segmen bidang perniagaan yang ditawarkan. Terdapat 13 segmen bidang perniagaan ditawarkan meliputi:

- i. Buku dan alat tulis
- ii. Pakaian kelengkapan sukan
- iii. Klinik kesihatan
- iv. Optometri/cermin mata
- v. Penginapan/pengangkutan
- vi. Makanan/minuman
- vii. Pusat rawatan/kecantikan
- viii. Produk IT
- ix. Automotif
- x. Peruncitan
- xi. Sukan/rekreasi
- xii. Pembelajaran/percetakan/cenderamata

xiii. Lain-lain

Sekian. Terima kasih.